

## Panasonic Perkenal Seterika Stim *Handheld* Baharu, Teman Sempurna untuk Pakaian Tanpa Kedutan Pada Bila-bila Masa, Di Mana Sahaja

**Kuala Lumpur, 11 Januari 2024** – Panasonic Malaysia hari ini melancarkan seterika stim *handheld* baharu yang menampilkan dua model progresif - **NI-GHF025WSK (2-hala menyeterika + boleh lipat) dan NI-GHD015WSK (tidak boleh dilipat)**. Seterika stim *handheld* direka dengan teliti dengan fokus pada wap yang berkuasa, kebolehgunaan pintar dan reka bentuk minimalis ini mengetengahkan komitmen Panasonic terhadap inovasi dan memudahkan.

Direka untuk menjadi teman yang membantu dalam rutin harian bergaya pelanggan, seterika stim *handheld* baharu Panasonic sangat sesuai untuk mereka yang kerap mengembara, profesional yang sibuk, malah penggemar fesyen dan pelajar yang *on-the-go*. Seterika stim *handheld* memudahkan proses menghasilkan pakaian tanpa kedutan dengan mudah pada bila-bila masa, di mana sahaja.

Keisuke Nishida, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia berkata seterika stim *handheld* baharu merangkumi komitmen Panasonic untuk memperkasakan kehidupan harian dan kesejahteraan holistik pelanggan. Beliau berkata, “Kami memahami bahawa pengguna hari ini sentiasa *on-the-go*, dan mereka memerlukan produk yang dapat melengkapkan gaya hidup moden mereka yang sibuk dengan lancar. Produk ini menampilkan tiga faktor utama - kemudahan, memudahkan dan cekap - sebagai sebahagian daripada aspek reka bentuk dan kebolehgunaan. Kami teruja dengan produk ini, dan kami percaya ia akan mentakrifkan semula cara rakyat Malaysia dalam aspek penjagaan pakaian dengan menawarkan penyelesaian yang kompak, mudah dan cekap.”

Ciri-ciri utama seterika stim *handheld* baharu adalah seperti berikut:

### “*Steam and Go*” dengan Mudah

Pelanggan boleh mengucapkan selamat tinggal kepada seterika tradisional dan papan seterika yang besar kerana seterika stim *handheld* NI-GHF025WSK dan NI-GHD015WSK menyeterika pakaian anda secara mudah dengan usaha yang minimum dan kemudahan maksimum.

Kedua-dua seterika stim *handheld* ini ringan dan kompak dengan model NI-GHF025WSK memiliki berat 600g dengan tempat simpanan air 120ml, sementara model NI-GHD015WSK pula hanya seberat 530g dengan tempat simpanan air 70ml.

NI-GHF025WSK ialah model boleh lipat yang menampilkan *Titanium Soleplate*, teknologi wap inovatif yang menawarkan langkah menyeterika 2 hala: stim dan kering. Bagi mereka yang memiliki pakaian sensitif yang tidak boleh diseterika, model NI-GHD015WSK adalah pilihan terbaik kerana ia didatangkan dengan panel *Plastotype*, di mana anda hanya boleh mengharapkan wap berkuasa berbanding tapak yang terlalu panas yang boleh mencairkan pakaian anda.

### Menyeterika dengan Pantas dan Lancar

Kedua-dua model ini menawarkan **Rapid Start-Up** yang membolehkan anda mula menyeterika pakaian dalam masa hanya 30 saat untuk model NI-GHF025WSK dan 20 saat untuk model NI-GHD015WSK, tempoh masa singkat ini bagus untuk anda yang tidak cukup masa. Kuasa wap 1300W sehingga 21g/min melicinkan kedutan dalam masa yang singkat.

### Kekal Segar dan Bersih

Ciri unik yang terdapat dalam dua model iaitu NI-GHF025WSK dan NI-GHD015WSK merangkumi keupayaannya untuk menyeterika 99.99%\* hama dan bakteria, sekali gus menjadikan seterika stim *handheld* Panasonic sebagai alat

serba boleh dan sangat diperlukan. Ia juga sesuai digunakan pada mainan lembut dan bantal, selain menyegarkan pakaian yang disimpan lama di dalam almari pakaian atau pakaian yang biasa yang dipakai berulang kali seperti seluar jeans atau jaket.

Anda boleh "menghapuskan" bakteria dari mainan mewah dan pakaian dengan selamat menggunakan kuasa wap lembut NI-GHF025WSK dan NI-GHD015WSK. Ini boleh memanjangkan jangka hayat mana-mana barangan berasaskan fabrik dengan mengurangkan haus dan lusuh akibat kerap mencuci.

Seterika stim *handheld* baharu boleh didapati di semua kedai rasmi dalam talian dan fizikal Panasonic serta pengedar rasmi. Harga runcit bagi model NI-GHF025WSK ialah RM299, manakala model NI-GHD015WSK pula berharga RM179.

Untuk maklumat lanjut tentang seterika stim *handheld* Panasonic, sila layari <https://www.panasonic.com/my/consumer/home-appliance/iron/garment-steamer.html>.

\*Note: \*Certified by Guangdong Detection Center of Microbiology; Test report number: 2022FM14284R01E, 2022FM14284R02E; Test method: Refer to Technical Standard for Disinfection (2002 Ministry of Health P.R.China) – 2.1.1.7.6, MS (i) C061-C01 test method for killing mites by household and similar electrical appliances; Test results: Eliminate bacteria rate up to >99.99% of Escherichia coli and Staphylococcus aureus, Eliminate mites rate up to >99.99%.

###

## **Mengenai Panasonic Malaysia**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic produk elektrik dan elektronik yang terdiri daripada audio visual, peralatan rumah, penghawa dingin, kualiti udara dalaman, perniagaan solar, kamera digital & video, peralatan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, penjagaan kesihatan & kecantikan, bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati melalui pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

## **Hubungan Media**

### **Stella Lim**

Ketua Jabatan

Jabatan Komunikasi Pemasaran

**Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.**

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Email: [stella.lim@my.panasonic.com](mailto:stella.lim@my.panasonic.com)

Pejabat: +603-7809 7605

### **Mazlee Mokhtar**

Pengurus, Komunikasi Korporat

Jabatan Komunikasi Pemasaran

**Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.**

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Email: [mazlee.mokhtar@my.panasonic.com](mailto:mazlee.mokhtar@my.panasonic.com)

Pejabat: +603-7809 7877